



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

TADBIR URUS DANA PENYELIDIKAN

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 7, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
No. Tel: 03-8870 6974/6975
No. Faks: 03-8870 6867**

EDISI KEEMPAT

MAC 2021

TADBIR URUS
DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

1.	PENDAHULUAN	4
2.	PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN		
	Skop/Objektif	6
	Ketua Program/Ketua Projek	6
	Keahlian	7
	Tempoh Penyelidikan	9
	Persidangan Dalam Negara	10
	Persidangan Luar Negara	10
	Dokumen dan Ikatan Perjanjian	12
3.	PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN		
	Pengurusan Peruntukan	15
	Penggunaan Peruntukan Setelah Tamat Projek	19
	Pengurusan Baki Peruntukan	19
	Pengurusan Kewangan dan Perolehan	19
	Perolehan Aset, Bekalan dan Perkhidmatan	20
	Pengurusan Aset dan Inventori	20
4.	PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN		
	Pemantauan Berjadual	23
	Pemantauan Tidak Berjadual	24
	Laporan Prestasi dan Kewangan	24
	Laporan Akhir	28
	Pencapaian Output	30
	Kawalan dan Penalti	35
5.	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	39
6.	INTEGRITI DAN ETIKA PENYELIDIKAN	43
7.	SENARAI SEMAK	45
8.	CARTA ALIR	50
9.	LAMPIRAN	53
10.	PENUTUP	65

DAFTAR ISTILAH

DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Institusi	Institusi dalam negara yang menerima geran penyelidikan Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi sama ada dari Universiti Awam, Universiti Swasta, Kolej Universiti, Universiti Cawangan, Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti, Institut Penyelidikan Guru Malaysia dan Institut Penyelidikan di bawah Kementerian dalam negara.
RMC	Pusat Pengurusan Penyelidikan di Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta serta lain-lain Institusi yang layak memohon Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi yang bertindak dan berfungsi untuk menyelaras dan menguruskan semua urusan berkaitan dana ini.
<i>Proposal</i>	Kertas cadangan penyelidikan yang disediakan oleh para penyelidik dalam kalangan akademia dari Institusi Pendidikan Tinggi dalam negara dan penyelidik/saintis di Institut Penyelidikan di bawah Kementerian.
KPI	KPI (Key Performance Indicator) Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi perlu dipenuhi bagi mencapai matlamat program Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi.
Kolaborator	Kolaborator adalah terdiri daripada pihak industri/agensi kerajaan/agensi swasta/institusi luar negara.
GRA	Individu yang menjalankan pengajian sepenuh masa mod penyelidikan di peringkat pengajian pasca siswazah dan dilantik sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah yang membantu dan menjalankan pengajian berkaitan penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik.
WoS	Pangkalan data mengindeks jurnal saintifik dalam pelbagai disiplin ilmu yang dikendalikan oleh Clarivate Analytics. Koleksi teras WoS meliputi 6 pangkalan data dalam talian iaitu Science Citation Index Expanded, Social Sciences Citation Index, Arts & Humanities Citation Index, Emerging Sources Citation Index, Book Citation Index dan Conference Proceedings Citation Index.

SCOPUS	Pangkalan data yang mengindeks jurnal saintifik dalam pelbagai disiplin ilmu yang dikendalikan oleh Scopus Elsevier. Scopus memberi 4 jenis penilaian untuk setiap jurnal iaitu h-Index, CiteScore, SJR (SCImago Journal Rank) dan SNIP (Source Normalized Impact per Paper).
ERA	Badan yang mengindeks penerbitan dalam pangkalan data Australian Research Council (ERA Journal List).
MyCITE	Sistem yang diwujudkan oleh Pusat Sitasi Malaysia bagi mendaftar, menilai dan mengindeks semua penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia menggunakan indikator bibliometrik di dalam pangkalan data Malaysian Citation Index.
MyGRANTS	Malaysian Greater Research Network System yang menghimpunkan maklumat permohonan dan pemantauan projek penyelidikan di bawah Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi.

1. PENDAHULUAN

Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (DP KPT) ini disediakan sebagai rujukan dan panduan bagi tatacara pengurusan geran penyelidikan di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Tadbir urus ini perlulah dirujuk bersekali dengan Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan JPT.

Tadbir Urus ini menerangkan secara jelas mengenai perkara-perkara berikut:

1. Pengurusan Projek Penyelidikan
2. Pengurusan Kewangan dan Perolehan
3. Pemantauan Projek Penyelidikan
4. Peranan dan Tanggungjawab
5. Integriti dan Etika Penyelidikan

Pelaksanaan tadbir urus ini diharap dapat memastikan pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan dan teratur bagi pengurusan geran penyelidikan di bawah DP KPT.

Pemakaian tadbir urus ini meliputi geran-geran penyelidikan berikut:

1. Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS);
2. Skim Geran Penyelidikan Prototaip (PRGS);
3. Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS);
4. Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS); dan
5. Lain-lain skim geran penyelidikan di bawah DP KPT.

Struktur Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi adalah seperti di **Lampiran 1**. Tadbir urus ini hendaklah dipatuhi melainkan terdapat apa-apa pengecualian atau arahan daripada JPT. Pihak JPT juga berhak meminda mana-mana klausa dari semasa ke semasa.

**PENGURUSAN PROJEK
PENYELIDIKAN**

2. PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN

2.1. SKOP/OBJEKTIF

- 2.1.1. Permohonan perubahan skop atau objektif penyelidikan perlu dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan JPT dalam tempoh enam (6) bulan pertama daripada tarikh mula projek penyelidikan.
- 2.1.2. Ketua Projek perlu mengemukakan permohonan yang lengkap melalui RMC di Institusi masing-masing yang merangkumi justifikasi dan keperluan pindaan berserta dokumen sokongan yang berkaitan. Justifikasi yang kukuh perlu dinyatakan secara terperinci termasuklah sekiranya melibatkan perubahan kos (jumlah peruntukan di setiap vot yang telah diluluskan oleh panel penilai KPT) atau lain-lain perubahan.
- 2.1.3. Permohonan ini hanya dibenarkan sekali dalam tempoh pelaksanaan projek penyelidikan.

2.2. KETUA PROGRAM/KETUA PROJEK

- 2.2.1. Ketua Program/Ketua Projek merupakan penyelidik yang mengetuai program/projek dan bertanggungjawab melaksanakan penyelidikan sepertimana kertas cadangan penyelidikan (proposal) yang diluluskan, antaranya merangkumi skop, objektif, jangkaan hasil, carta perbatuan, belanjawan dan lain-lain terma yang ditetapkan dalam dokumen perjanjian dan juga ikatan perjanjian.
- 2.2.2. Ketua Program/Ketua Projek perlu melepaskan kedudukan sebagai ketua apabila tidak dapat menjalankan peranannya melebihi tempoh tiga (3) bulan dan perlu mengemukakan permohonan pertukaran kepada RMC jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
- i. Cuti belajar / cuti tanpa gaji / sangkutan industri / pasca doktoral atau seumpamanya;
 - ii. Bersara / tamat perkhidmatan;
 - iii. Dipinjamkan / berpindah ke organisasi lain;
 - iv. Sakit; atau
 - v. Sebab-sebab lain (perlu mendapat perakuan RMC)
- 2.2.3. Pengecualian dibenarkan bagi Ketua Projek yang bercuti sabatikal kurang daripada enam (6) bulan dengan syarat penyelidik menjalankan

penyelidikan berkaitan projek yang sedang dijalankan semasa tempoh cuti tersebut.

2.2.4. Permohonan yang lengkap berserta justifikasi kukuh dan memuaskan perlu dikemukakan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum pertukaran Ketua Program/Ketua Projek baharu untuk pertimbangan dan kelulusan di peringkat RMC/JPT (tertakluk pada syarat yang ditetapkan dalam garis panduan Skim Geran Penyelidikan DP KPT). Bagi permohonan yang diluluskan di peringkat RMC, surat pemakluman pertukaran Ketua Projek perlu dikemukakan kepada JPT.

2.2.5. Ketua Program/Ketua Projek perlu mengemukakan cadangan penyelidik yang bersesuaian dari segi kepakaran untuk menggantikannya. RMC bertanggungjawab untuk memastikan penyelidik layak untuk menjadi ketua baharu. Pengganti Ketua Program/Ketua Projek adalah *next appointed leader* yang dicalonkan di dalam *proposal* atau penyelidik bersama sedia ada dari Institusi yang sama dengan Ketua Program/Ketua Projek yang asal. Penyelidik bersama tersebut mestilah telah menjadi ahli selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam kumpulan penyelidikan tersebut.

2.2.6. Sekiranya tiada penyelidik bersama sedia ada yang mampu mengambil peranan sebagai ketua, Ketua Program/Ketua Projek boleh mengemukakan pencalonan nama penyelidik baharu yang sesuai kepada RMC/JPT (rujuk **Lampiran 2**). Bagi kelulusan di peringkat RMC, tindakan yang perlu diambil oleh pihak RMC adalah seperti berikut:

- i. memperaku pelantikan ketua baharu bagi meneruskan projek penyelidikan tersebut; atau
- ii. projek penyelidikan hendaklah ditamatkan jika tiada penyelidik yang bersesuaian untuk mengambil alih peranan sebagai ketua dan baki peruntukan tidak boleh digunakan.

2.2.7. Ketua Program/Ketua Projek baharu hendaklah dari Institusi yang sama serta mempunyai kepakaran yang sama dengan Ketua Program/Ketua Projek asal.

2.3. KEAHLIAN

2.3.1. Ketua Projek perlu memastikan setiap ahli dalam projek penyelidikan memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing seperti mana yang telah dipersetujui dalam memastikan perancangan bagi projek

penyelidikan tersebut berjalan lancar dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam *proposai*.

- 2.3.2. Ahli kumpulan dalam satu projek (tidak termasuk Ketua Projek) adalah tidak melebihi lima (5) orang. Khusus untuk geran LRGS, ahli kumpulan dalam satu projek (tidak termasuk Ketua Projek) adalah tidak melebihi lapan (8) orang. Ahli adalah terdiri daripada kakitangan akademik atau/dan kolaborator. Kolaborator adalah terdiri daripada pihak industri/agensi kerajaan/agensi swasta/institusi luar negara.
(klausa ini terpakai bagi projek-projek penyelidikan yang diluluskan pada Tahun 2019 dan ke atas)
- 2.3.3. Pegawai penyelidik dari Institusi Penyelidikan (RI), pensyarah daripada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) hanya dibenarkan menjadi penyelidik bersama.
(klausa ini terpakai bagi projek penyelidikan FRGS yang diluluskan pada Tahun 2021 dan ke atas).
- 2.3.4. Selain itu, pegawai pasca doktoral atau pegawai penyelidik (salah seorang sahaja) daripada Universiti Awam atau Universiti Swasta dibenarkan menjadi ahli penyelidik bersama dalam kumpulan penyelidikan.
(klausa ini terpakai bagi program/projek penyelidikan FRGS, TRGS dan LRGS yang diluluskan pada Tahun 2021 dan ke atas)
- 2.3.5. JPT tidak menggalakkan pertambahan/pengguguran ahli penyelidik melainkan sekiranya terdapat keperluan khusus. Sekiranya terdapat keperluan untuk pertambahan/pengguguran ahli penyelidik bersama, Ketua Projek perlu mengemukakan permohonan berserta justifikasi yang kukuh serta peranan ahli baharu dalam kumpulan penyelidikan tersebut (bagi pertambahan ahli).
- 2.3.6. Ketua Projek tidak dibenarkan untuk membuat penambahan ahli projek dalam tempoh kurang enam (6) bulan dari tarikh tamat projek.
- 2.3.7. Permohonan yang lengkap berserta justifikasi kukuh dan memuaskan perlu dikemukakan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum pertukaran ahli untuk pertimbangan dan kelulusan di peringkat RMC/JPT (bergantung pada Skim Geran Penyelidikan di JPT).

2.3.8. Sekiranya kelulusan di peringkat RMC sahaja, surat pemakluman pertukaran ahli perlu dikemukakan kepada JPT mengikut kitaran pemantauan yang telah ditetapkan.

2.4. TEMPOH PENYELIDIKAN

2.4.1. Ketua Projek perlu memastikan projek penyelidikan dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai sasaran output yang telah diluluskan berdasarkan *proposal*. Pelaksanaan projek penyelidikan ini perlu mematuhi pekeliling, prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia, JPT dan juga Institusi masing-masing.

2.4.2. Sekiranya Ketua Projek memerlukan pelanjutan tempoh penyelidikan bagi meneruskan kelangsungan projek tersebut, Ketua Projek perlu mengemukakan permohonan yang lengkap merangkumi justifikasi kukuh dan keperluan pelanjutan tempoh sehingga enam (6) bulan sahaja berserta dokumen sokongan yang berkaitan untuk pertimbangan dan kelulusan. Sekiranya kelulusan di peringkat RMC, surat pemakluman perlu dikemukakan kepada JPT. Peringkat kelulusan tersebut adalah mengikut geran penyelidikan masing-masing seperti di **Lampiran 2(a)**.

2.4.3. Permohonan lanjut tempoh yang melibatkan projek-projek tertentu di bawah satu program penyelidikan (bergantung pada Skim Geran Penyelidikan) hendaklah dikemukakan oleh Ketua Program kepada JPT melalui sokongan pihak RMC.

2.4.4. Tempoh pelanjutan yang dibenarkan adalah maksimum enam (6) bulan sahaja.

2.4.5. Justifikasi pelanjutan tempoh yang tidak boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- i. Penyediaan laporan akhir;
- ii. Penerbitan buku dan lain-lain jenis penerbitan;
- iii. Menghadiri persidangan (dalam dan luar negara);
- iv. Membayar gaji Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA);
- v. Membuat perolehan aset;
- vi. Membelanjakan baki peruntukan penyelidikan; atau
- vii. Sebab-sebab lain dengan justifikasi yang tidak kukuh dan tidak jelas.

2.4.6. Pelanjutan tempoh untuk penerbitan artikel dalam jurnal terindeks bagi tujuan mencapai KPI adalah dibenarkan selama tiga (3) bulan.

2.4.7. Permohonan lanjut tempoh perlu dimohon oleh Ketua Program/Projek sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat. Permohonan yang lewat dikemukakan kepada JPT iaitu hampir dengan tarikh akhir projek atau selepas tarikh akhir projek tidak akan dipertimbangkan.

2.4.8. Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama. Projek penyelidikan akan ditamatkan jika tidak mendapat kelulusan Jawatankuasa Etika dalam tempoh setahun penyelidikan. RMC berperanan menamatkan projek bagi geran FRGS, manakala geran PRGS/TRGS/LRGS akan ditamatkan semasa sesi pembentangan prestasi pertama di JPT.

2.5. PERSIDANGAN DALAM NEGARA

2.5.1 Penggunaan peruntukan geran penyelidikan bagi menghadiri persidangan dalam negara adalah menggunakan peruntukan yang telah diluluskan dalam proposal;

2.5.2 Hanya dibenarkan untuk pembentangan kertas kerja penuh secara lisan ataupun poster yang akan menerbitkan artikel penuh terindeks sahaja; dan

2.5.3 Persidangan yang dihadiri hendaklah berkaitan secara terus dengan penyelidikan sama ada kehadiran secara fizikal ataupun maya.

2.5.4 Untuk pembentangan dalam persidangan secara fizikal atau secara maya, penyelidik perlu mendapatkan pengesahan daripada penganjur persidangan dan mendapat perakuan daripada Institusi masing-masing.

2.6. PERSIDANGAN LUAR NEGARA

2.6.1. Penggunaan peruntukan geran penyelidikan bagi menghadiri persidangan ke luar negara hanya dibenarkan untuk pembentangan kertas kerja penuh secara lisan yang akan menerbitkan artikel penuh terindeks SCOPUS atau WoS sahaja.

2.6.2. Penyelidik perlu mematuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan bagi menghadiri persidangan di luar negara bertujuan membentangkan kertas kerja penuh secara lisan seperti berikut:

Jadual 1: Kriteria kelayakan menghadiri persidangan luar negara

Kriteria	Bidang	
	Sains dan Teknologi	Sains Sosial
Kelayakan	Ketua dan ahli projek (pelajar tidak dibenarkan)	
Penerbitan	Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan: <ul style="list-style-type: none"> • 2 artikel dalam jurnal terindeks SCOPUS atau WOS / 2 bab dalam buku penyelidikan/1 buku penyelidikan 	Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan: <ul style="list-style-type: none"> • 2 jurnal berwasit / 2 bab dalam buku penyelidikan / 1 buku penyelidikan
	Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan: <ul style="list-style-type: none"> • 5 penerbitan terindeks SCOPUS atau WOS dalam tempoh 3 tahun terakhir / 5 bab dalam buku penyelidikan / 2 buku penyelidikan 	Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan: <ul style="list-style-type: none"> • 5 penerbitan berwasit dalam tempoh 3 tahun terakhir / 5 bab dalam buku penyelidikan / 2 buku penyelidikan

2.6.3. Penyelidik juga perlu mematuhi syarat-syarat umum menghadiri persidangan di luar negara bagi membentangkan kertas kerja penuh secara lisan seperti berikut:

- (a) Persidangan yang berkaitan secara terus dengan penyelidikan;
- (b) Perjalanan dibenarkan untuk projek penyelidikan yang memasuki tahun kedua dan ke atas sahaja;
- (c) Perjalanan menggunakan laluan dan tambang paling murah;
- (d) Hanya dibenarkan sekali perjalanan pembentangan ke luar negara dalam tempoh pelaksanaan bagi setiap projek FRGS dan TRGS yang diluluskan; manakala dua kali perjalanan pembentangan bagi setiap projek LRGS.
- (e) Maksimum bilangan penyelidik dalam projek yang sama bagi menghadiri persidangan yang sama adalah dua (2) orang sahaja;
- (f) Berpotensi untuk mewujudkan rangkaian untuk mendapatkan geran antarabangsa;
- (g) Berpotensi untuk dijemput menerbitkan buku oleh penerbit terkenal antarabangsa;

- (h) Tidak dibenarkan menghadiri persidangan luar negara yang dianjurkan oleh penganjur tempatan;
- (i) Telah diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan (proposal);
- (j) Tertakluk kepada kecukupan baki geran penyelidikan.

2.6.4. Untuk pembentangan secara maya, penyelidik perlu mendapatkan pengesahan daripada penganjur persidangan dan mendapat perakuan daripada Institusi masing-masing.

2.7. DOKUMEN DAN IKATAN PERJANJIAN

2.7.1. Dokumen Perjanjian

Dokumen perjanjian adalah ikatan/perjanjian antara Kementerian (diwakili oleh JPT) dengan Institusi penerima geran yang perlu ditandatangani bagi memastikan program/projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak. Penyediaan dokumen perjanjian ini adalah di bawah tanggungjawab JPT.

Pihak Institusi hendaklah memastikan dokumen perjanjian ditandatangani oleh Naib Canselor/Rektor/Ketua Eksekutif atau wakil yang diberi penurunan kuasa bagi pihak Institusi dan mengemukakan dua (2) salinan asal dokumen perjanjian kepada JPT untuk tindakan selanjutnya. Surat penurunan kuasa hendaklah dilampirkan bersama Dokumen Perjanjian tersebut.

Pihak Institusi adalah tidak dibenarkan untuk membuat sebarang pindaan terhadap dokumen perjanjian.

2.7.2. Ikatan Perjanjian

Ikatan perjanjian adalah ikatan/perjanjian antara Institusi penerima geran dengan penyelidik bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak.

Penyediaan ikatan/perjanjian ini adalah di bawah seliaan dan tanggungjawab Institusi masing-masing. Namun begitu, dokumen tersebut perlu dikemukakan kepada JPT untuk tujuan rekod dan pemantauan.

Pihak Institusi hendaklah memastikan ikatan perjanjian disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh JPT. Walau bagaimanapun, pihak Institusi dibenarkan untuk membuat penambahan syarat dan terma bersesuaian dengan keperluan Institusi tanpa meninggalkan sebarang maklumat asas yang telah ditetapkan JPT dan mengemukakan satu (1) salinan ikatan perjanjian yang lengkap ditandatangani kepada JPT untuk rekod.

PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

3. PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

3.1. PENGURUSAN PERUNTUKAN

3.1.1. Geran penyelidikan mestilah digunakan dalam negara sahaja (kecuali diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian dalam *proposai* untuk penyelidikan di luar negara dengan persetujuan dari JPT).

3.1.2. Peruntukan hendaklah kekal di Institusi penerima geran berdasarkan kelulusan Kementerian.

3.1.3. Pindah peruntukan antara vot hendaklah mengikut Pekeliling Perbendaharaan dan Peraturan Kewangan setiap Institusi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

3.1.3.1. Tidak dibenarkan menggunakan peruntukan melebihi kelulusan setiap vot. Perbelanjaan hanya boleh dibuat setelah pindah vot diluluskan oleh RMC/JPT.

3.1.3.2. Pegawai di RMC dikehendaki mengemaskini rekod kewangan setiap projek serta menyemak perbelanjaan dari semasa ke semasa untuk mengetahui baki peruntukan sebelum membuat sebarang urusan pindah vot.

3.1.3.3. Pegawai di RMC dikehendaki memastikan maklumat dalam sistem kewangan di Institusi diselaraskan dengan rekod perbelanjaan dalam Sistem MyGRANTS.

3.1.4. Pindah Peruntukan antara Vot (dalam projek)

3.1.4.1 Bertujuan untuk menampung kekurangan peruntukan dalam sesuatu vot lain semasa menjalankan aktiviti penyelidikan. Pindah peruntukan dibenarkan dari mana-mana vot selagi ia berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan mengikut peratusan had siling yang telah ditetapkan oleh JPT.

3.1.4.2 Penerangan lanjut mengenai penggunaan dan terma rujukan pindah peruntukan bagi setiap vot adalah seperti di Jadual 2 berikut:

Jadual 2 : Terma Rujukan (TOR) Pindahan Peruntukan antara Vot

VOT	DESKRIPSI	TERMA RUJUKAN
11000	Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	<ul style="list-style-type: none"> Pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, jika terdapat kekangan kewangan dan keperluan mendesak bagi menampung vot lain, pindah peruntukan hanya dibenarkan jika <u>bilangan GRA yang bergraduat telah dicapai mengikut KPI</u> (rujuk klausa 4.5.2) tertakluk pada pengesahan RMC; Hanya pada tahun kedua dan ke atas pelaksanaan projek; dan Kelulusan di peringkat JPT.
	Gaji untuk Pegawai/ Pembantu Penyelidik (RO/RA) untuk Geran PRGS	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan
21000	Perjalanan dan Pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan pindah peruntukan bagi perjalanan dalam negara bagi tujuan menghadiri persidangan/kerja lapangan/kutipan data dan lain-lain aktiviti berkaitan.
24000	Sewaan	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan pindah peruntukan selagi ia berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.
27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan pindah peruntukan selagi ia berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.
28000	Baik pulih kecil dan ubahsuai	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan pindah peruntukan selagi ia berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.
29000	Perkhidmatan Ikhtisas	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan pindah peruntukan selagi ia berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.

VOT	DESKRIPSI	TERMA RUJUKAN
35000	Aksesori dan Peralatan	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan pindah peruntukan selagi ia berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan (tidak melebihi 40% dari jumlah keseluruhan).

Penggunaan vot yang dinyatakan di Jadual 2 adalah tertakluk pada Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan JPT

3.1.4.3 Pindah peruntukan hanya dibenarkan sekali setahun bagi setiap projek yang diluluskan di bawah geran penyelidikan DP KPT. Pindah peruntukan melebihi 50% daripada jumlah kelulusan asal setiap vot adalah tidak dibenarkan di peringkat RMC/JPT bagi projek-projek penyelidikan aktif.

3.1.4.4 Pindah peruntukan ke vot baharu hanya dibenarkan selepas enam (6) bulan dari tarikh pelaksanaan projek.

3.1.5. Pindah Peruntukan antara Projek / Institusi

3.1.5.1 Pindah peruntukan kepada penyelidik bersama dalam satu projek di Institusi lain tidak dibenarkan.

3.1.5.2 Pindah Peruntukan antara Projek dalam satu Program LRGS dan TRGS

- Pindah peruntukan (Vot 11000 sahaja) kepada projek (dalam Institusi sama atau berlainan) dalam tempoh penyelidikan adalah tertakluk kepada kelulusan JPT. Ini bertujuan untuk mencapai KPI bakat yang ditetapkan sahaja. Baki peruntukan perlu dipulangkan semula kepada Institusi asal.

3.1.5.3 Pindah Peruntukan bagi Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) atau Institut Penyelidikan (RI) yang terlibat

- Pindah peruntukan (Vot 11000 sahaja) kepada Universiti Awam dalam tempoh penyelidikan adalah tertakluk kepada kelulusan JPT. Ini bertujuan untuk mencapai KPI bakat yang ditetapkan sahaja.

(klausu ini terpakai bagi projek penyelidikan FRGS yang diluluskan pada Tahun 2020 dan sebelumnya).

3.1.6. Pindah Geran Penyelidikan kepada Institusi Baharu

3.1.6.1 Sekiranya Ketua Projek berpindah Institusi, pihak Institusi tidak dibenarkan untuk membuat pindahan geran penyelidikan kepada Institusi baharu.

3.1.6.2 Ketua Projek baharu hendaklah dilantik bagi meneruskan penyelidikan tersebut (rujuk klausa 2.2.5, 2.2.6 dan 2.2.7).

3.1.7 Pihak Institusi tidak dibenarkan pindah urus dana geran penyelidikan DP KPT kepada syarikat holding/spin-off.

3.1.8 Ketua Projek perlu mengemukakan permohonan yang lengkap kepada RMC merangkumi keperluan/justifikasi kukuh dan memuaskan berserta dokumen sokongan yang berkaitan untuk pertimbangan dan sokongan RMC. RMC perlu memberikan ulasan dan syor bagi setiap permohonan yang dikemukakan sebelum dikemukakan kepada JPT untuk pertimbangan dan kelulusan (bergantung pada Skim Geran Penyelidikan di JPT). Sebarang permohonan yang tiada justifikasi tidak akan diberi pertimbangan.

3.1.9 Ketua Projek tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian dan penggunaan peruntukan yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan seperti berikut:

- i. Peralatan komunikasi;
- ii. Langganan sebarang bentuk perkhidmatan internet;
- iii. Peralatan dan aksesori pejabat;
- iv. Pembelian mesin pencetak;
- v. Pembelian komputer;
- vi. Peralatan storan;
- vii. Pembelian bahan rujukan;
- viii. Pembayaran sewaan fasiliti di institusi masing-masing;
- ix. Penganjuran persidangan, simposium dan lain-lain;
- x. Membayar sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas;
- xi. Pembayaran pemfailan harta intelek (kecuali geran PRGS);
- xii. Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran; dan
- xiii. Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.

3.1.10 Pembayaran elaun atau suguhati kepada Ketua Program/Ketua Projek dan ahli dalam kumpulan penyelidikan menggunakan Vot 29000 (perkhidmatan) adalah tidak dibenarkan.

3.1.11 Definisi bayaran konsultan, enumerator dan honorarium di bawah Vot 29000 boleh dirujuk pada **Lampiran 3**.

3.2. PENGGUNAAN PERUNTUKAN SETELAH TAMAT PROJEK

3.2.1. Penyelidik tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perbelanjaan selepas tarikh tamat projek penyelidikan.

3.2.2 Segala perbelanjaan yang tidak dituntut sebelum tarikh tamat projek akan luput dan tidak boleh dibayar selepas akaun projek tutup.

3.3. PENGURUSAN BAKI PERUNTUKAN

3.3.1. Pihak Institusi perlu melaporkan baki peruntukan sehingga 31 Disember setiap tahun bagi semua projek yang telah diluluskan (berstatus selesai, tidak aktif dan aktif) di bawah geran penyelidikan DP KPT.

3.3.2. Sekiranya projek penyelidikan telah tamat atau pun tidak aktif, pihak Institusi hendaklah memastikan baki peruntukan projek penyelidikan tersebut disimpan dalam akaun berasingan dan sebarang penggunaan terhadap baki peruntukan tersebut adalah tidak dibenarkan melainkan terdapat arahan daripada Kementerian.

3.3.3. Pihak Institusi juga tidak dibenarkan untuk menggunakan baki peruntukan tersebut bagi menampung lebihan perbelanjaan yang dilakukan oleh sesuatu projek penyelidikan yang lain.

3.3.4. Baki peruntukan projek penyelidikan bagi sesuatu Program (NRGS/TRGS/LRGS) perlu dikembalikan kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Peneraju.

3.3.5. IPT Peneraju (Program) bertanggungjawab melapor baki semasa untuk keseluruhan Program.

3.4. PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

3.4.1. Setiap prosedur pengurusan kewangan dan perolehan hendaklah mematuhi pekeliling dan prosedur yang telah ditetapkan oleh

Perbendaharaan Malaysia dan Institusi masing-masing. Sekiranya bercanggah, Institusi perlulah mematuhi pekeliling dan prosedur yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

- 3.4.2. Adalah menjadi tanggungjawab Institusi bagi memastikan pengurusan geran penyelidikan DP KPT dilaksanakan dengan teratur mengikut tatacara pengurusan kewangan yang ditetapkan oleh Institusi masing-masing berpandukan kepada syarat-syarat dan kelulusan Kementerian Kewangan.

3.5 PEROLEHAN ASET, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

3.5.1 Pembelian atau perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan hanya dibenarkan sekiranya telah diluluskan dan dinyatakan dalam *proposal* yang diluluskan. Walau bagaimanapun, pembelian aset tidak dibenarkan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tamat asal. Segala perolehan yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada pekeliling dan prosedur yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan juga Institusi.

3.5.2 Sekiranya terdapat keperluan untuk membeli aset yang tiada dalam *proposal*, permohonan perlu dikemukakan melalui RMC untuk pertimbangan dan kelulusan JPT.

3.5.3 Ketua Projek perlu memastikan dokumen permohonan yang lengkap dikemukakan melalui RMC di Institusi masing-masing yang merangkumi justifikasi dan keperluan pembelian aset berserta dokumen sokongan (jika berkaitan).

3.5.4 Ketua Projek bertanggungjawab untuk sebarang urusan kewangan dan perolehan.

3.5.5 Pembelian aset hanya boleh dilakukan oleh Ketua Projek sahaja. Pindah peruntukan ke Institusi lain untuk pembelian aset adalah tidak dibenarkan.

3.6 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

3.6.1 Pengurusan aset dan inventori adalah di bawah seliaan dan tanggungjawab pihak RMC setiap Institusi penerima geran. Aset menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan Institusi penerima geran serta sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut pekeliling dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan Institusi masing-masing.

- 3.6.2 Pelaporan aset perlu dilaporkan kepada JPT secara berkala mengikut kitaran pemantauan dan juga melalui MyGRANTS tertakluk pada Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan JPT. Pembelian aset hanya dibenarkan sekiranya telah diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan (proposal).
- 3.6.3 Setiap aset perlu didaftar dan diurus mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan Institusi masing-masing. Semua aset perlu didaftarkan, direkodkan dan dilabelkan dengan nombor siri pendaftaran “Hak Kerajaan Malaysia / Nama Geran Kementerian / Institusi”.
- 3.6.4 Produk/prototaip yang dihasilkan perlu didaftarkan sebagai aset Institusi (yang bertujuan untuk baik pulih dan modifikasi).

**PEMANTAUAN PROJEK
PENYELIDIKAN**

4. PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN

Kesemua geran penyelidikan di bawah Dana Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi adalah tertakluk kepada pemantauan oleh JPT bermula daripada tarikh pengaktifan geran sehingga tempoh geran penyelidikan tamat.

Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek seperti berikut:

- (a) Prestasi projek; dan
- (b) Prestasi kewangan

Institusi perlu menghantar Laporan Prestasi & Kewangan dan Laporan Akhir tertakluk pada Klausa Pemantauan seperti yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan DP KPT.

4.1. PEMANTAUAN BERJADUAL

Setiap projek penyelidikan tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh projek aktif. Penghantaran laporan prestasi bagi projek melebihi satu (1) tahun dilaksanakan setiap enam (6) bulan, manakala penghantaran laporan prestasi bagi projek kurang satu (1) tahun dilaksanakan setiap empat (4) bulan. Jadual pemantauan adalah seperti di **Lampiran 4 dan 5**.

4.1.1. Penghantaran laporan prestasi dan perbelanjaan bagi projek melebihi satu (1) tahun adalah pada setiap Februari dan Ogos:

- (a) Pelaporan pada bulan Februari perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Disember pada tahun sebelum; dan
- (b) Pelaporan pada bulan Ogos perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Jun pada tahun yang sama.

4.1.2. Penghantaran laporan prestasi dan perbelanjaan bagi projek kurang daripada satu (1) tahun adalah pada setiap Februari, Jun dan Oktober:

- (a) Pelaporan pada bulan Februari perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Disember pada tahun sebelum;
- (b) Pelaporan pada bulan Jun perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga April pada tahun yang sama; dan
- (c) Pelaporan pada bulan Oktober perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Ogos pada tahun yang sama.

4.1.3. Borang-borang yang perlu dikemukakan oleh pihak RMC kepada JPT adalah seperti berikut:

- (a) Laporan prestasi yang dikemaskini oleh Ketua Projek (dihantar melalui sistem MyGRANTS);

- (b) Laporan keseluruhan geran (mengikut fasa kelulusan);
- (c) Laporan kewangan yang disahkan oleh Bendahari (mengikut fasa kelulusan);
- (d) Laporan pencapaian; dan
- (e) Borang daftar harta modal.

4.2. PEMANTAUAN TIDAK BERJADUAL

Setiap projek penyelidikan juga tertakluk kepada pemantauan tidak berjadual mengikut ketetapan dan keperluan JPT.

4.2.1. Lawatan tapak dan pengauditan; dan

4.2.2. Pelaporan semula berdasarkan syor dan keperluan mengikut syarat yang ditetapkan oleh JPT.

Bagi Laporan Prestasi Projek Penyelidikan mengikut carta perbatuan (milestone) bulanan atau suku tahunan adalah terpulang kepada pengurusan penyelidikan di Institusi masing-masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada JPT melainkan terdapat arahan khusus mengenainya.

JPT juga berhak memanggil pihak Institusi untuk pelaporan tidak berjadual melalui apa-apa kaedah yang bersesuaian seperti pembentangan projek penyelidikan.

4.3. LAPORAN PRESTASI DAN KEWANGAN

Proses pengurusan Laporan Prestasi dan Kewangan adalah seperti berikut:

Bil.	Proses Pengurusan	Tindakan
1.	Ketua Projek bertanggungjawab untuk menyediakan <u>Laporan Prestasi dan Kewangan Berkala</u> bagi projek penyelidikan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Institusi. Laporan tersebut merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> (a) Kemajuan aktiviti/carta perbatuan (milestone); (b) Prestasi kewangan; (c) Bakat; (d) Keberhasilan penyelidikan/output; dan (e) Kekangan/Cadangan 	Ketua Projek

Bil.	Proses Pengurusan	Tindakan																						
	<p>Ketua Program perlu memastikan setiap Ketua Projek mengemukakan laporan prestasi projek dan kewangan dan Ketua Program perlu mengemukakan laporan prestasi projek dan kewangan secara keseluruhan program kepada JPT. Laporan yang dikemukakan secara berasingan bagi setiap projek akan ditolak oleh JPT (bergantung pada Skim Geran Penyelidikan DP KPT).</p>	<p>Ketua Program / Ketua Projek</p>																						
<p>2.</p>	<p>RMC perlu mengeluarkan peringatan bagi penghantaran laporan prestasi dan kewangan kepada Ketua Projek.</p> <p>Semua laporan perlu dinilai tahap kemajuan projek di peringkat Institusi dengan status seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="415 835 1203 1318"> <thead> <tr> <th>Status Projek</th> <th>Tahap Kemajuan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Baik</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Maju dengan Amat Baik </td> </tr> <tr> <td>Memuaskan</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Mengikut Jadual </td> </tr> <tr> <td>Kurang Memuaskan</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Lewat Mengikut Jadual; atau Perlu Pemantauan Lebih Teliti </td> </tr> <tr> <td>Bermasalah</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Tidak mencapai sasaran (prestasi projek dan kewangan) mengikut perancangan; dan Projek dicadangkan untuk ditamatkan (sekiranya telah menerima 2 kali amaran) </td> </tr> </tbody> </table> <p>Penetapan kriteria penilaian adalah seperti berikut:</p> <p>(a) Prestasi projek mengikut carta perbatuan (milestone) yang dirancang; dan</p> <p>(b) Prestasi perbelanjaan (bagi Projek 2 tahun)</p> <table border="1" data-bbox="492 1654 1192 1837"> <thead> <tr> <th colspan="2">Tahun Pertama</th> <th colspan="2">Tahun Kedua</th> </tr> <tr> <th>Kitaran 1</th> <th>Kitaran 2</th> <th>Kitaran 3</th> <th>Kitaran 4</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>25%</td> <td>50%</td> <td>75%</td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table>	Status Projek	Tahap Kemajuan	Baik	<ul style="list-style-type: none"> Maju dengan Amat Baik 	Memuaskan	<ul style="list-style-type: none"> Mengikut Jadual 	Kurang Memuaskan	<ul style="list-style-type: none"> Lewat Mengikut Jadual; atau Perlu Pemantauan Lebih Teliti 	Bermasalah	<ul style="list-style-type: none"> Tidak mencapai sasaran (prestasi projek dan kewangan) mengikut perancangan; dan Projek dicadangkan untuk ditamatkan (sekiranya telah menerima 2 kali amaran) 	Tahun Pertama		Tahun Kedua		Kitaran 1	Kitaran 2	Kitaran 3	Kitaran 4	25%	50%	75%	100%	<p>Institusi</p>
Status Projek	Tahap Kemajuan																							
Baik	<ul style="list-style-type: none"> Maju dengan Amat Baik 																							
Memuaskan	<ul style="list-style-type: none"> Mengikut Jadual 																							
Kurang Memuaskan	<ul style="list-style-type: none"> Lewat Mengikut Jadual; atau Perlu Pemantauan Lebih Teliti 																							
Bermasalah	<ul style="list-style-type: none"> Tidak mencapai sasaran (prestasi projek dan kewangan) mengikut perancangan; dan Projek dicadangkan untuk ditamatkan (sekiranya telah menerima 2 kali amaran) 																							
Tahun Pertama		Tahun Kedua																						
Kitaran 1	Kitaran 2	Kitaran 3	Kitaran 4																					
25%	50%	75%	100%																					

Bil.	Proses Pengurusan	Tindakan
	<p>Bagi tujuan pemantauan prestasi, lantikan GRA perlu dibuat dalam tahun pertama pertama penyelidikan bagi projek-projek penyelidikan aktif.</p> <p>Manakala, untuk projek-projek penyelidikan yang diluluskan pada tahun 2021 dan ke atas, lantikan GRA perlu dibuat dalam tempoh <u>enam (6) bulan</u> dari tarikh mula projek penyelidikan.</p> <p>Jika tiada lantikan dibuat dalam tempoh tersebut, Ketua Projek hendaklah mengemukakan justifikasi kepada RMC masing-masing untuk tindakan selanjutnya.</p> <p>Lantikan GRA/pelajar bagi sesuatu projek perlulah disertakan dengan surat pelantikan GRA/tawaran pengajian dan disahkan oleh RMC.</p> <p>Laporan perbelanjaan kewangan yang dilaporkan perlu disahkan oleh Bendahari Institusi.</p> <p>JPT menggalakkan penilaian dalaman di Institusi dilaksanakan oleh panel dalam bidang berkaitan. Sekiranya projek berstatus <u>KURANG MEMUASKAN/BERMASALAH</u>, Ketua Projek perlu memberikan justifikasi dan pelan tindakan untuk kelangsungan projek tersebut.</p>	
3.	<p>Pihak JPT berhak menjalankan pemantauan projek-projek penyelidikan secara rawak dalam tempoh enam (6) bulan selepas laporan prestasi dan kewangan dikemukakan.</p> <p>Pembentangan Laporan Prestasi dan Kewangan (tertakluk pada Skim Geran Penyelidikan di JPT) akan dilaksanakan dan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian.</p>	JPT

Bil.	Proses Pengurusan	Tindakan
4.	<p>Tujuan pelaksanaan proses penaziran Laporan Pemantauan adalah bagi memastikan projek penyelidikan dijalankan mengikut perancangan dan pemantauan yang berkesan dilaksanakan oleh RMC di Institusi masing-masing. Proses ini dijalankan melalui sistem MyGRANTS.</p> <p>RMC bertanggungjawab untuk melaksanakan pemantauan dengan baik dan teratur terhadap setiap projek penyelidikan. JPT berhak menolak kesemua laporan pemantauan dari Institusi pada mana-mana kitaran pemantauan sekiranya proses semakan dan pengesahan laporan tidak mematuhi prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan.</p> <p>JPT berhak menentukan lain-lain langkah kawalan dan penalti yang wajar diambil terhadap RMC dan Ketua Penyelidik bergantung kepada situasi semasa.</p>	JPT

4.4. LAPORAN AKHIR

Ketua Program/Ketua Projek diwajibkan menghantar laporan akhir dengan lengkap melalui sistem MyGRANTS. Selain itu, salinan keras (hardcopy) dan lembut (softcopy) laporan berbentuk tesis perlu dihantar ke Kementerian bagi setiap program penyelidikan TRGS, LRGS, dan NRGS.

Laporan akhir yang tidak dihantar dalam tempoh yang telah ditetapkan boleh menjejaskan permohonan geran oleh Ketua Program/Ketua Projek dan penyelidik bersama pada tahun-tahun seterusnya.

Proses pengurusan penyediaan dan penghantaran Laporan Akhir adalah seperti berikut:

Bil.	Proses Pengurusan	Tindakan
1.	<p>Ketua Program/Ketua Projek perlu menghantar LAPORAN AKHIR dalam tempoh <u>tiga (3) bulan</u> setelah projek penyelidikan tamat.</p> <p>Dokumen yang perlu dikemukakan (tertakluk pada Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan JPT) adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) Borang Laporan Akhir (secara dalam talian melalui sistem MyGRANTS);(b) Profil Penyelidikan (5 muka surat) bagi Projek Penyelidikan FRGS dan PRGS;(c) Laporan berbentuk tesis bagi Program Penyelidikan TRGS, LRGS dan NRGS. Laporan ini merangkumi pengenalan, sorotan kajian, metodologi dan lain-lain yang berkaitan;(d) Infografik Hasil Penyelidikan (melibatkan semua geran); dan(e) Video penyelidikan berkonsepkan “Research Innovation for Society and Enterprise (RISE@UNI)” bagi geran PRGS, TRGS, LRGS dan NRGS	Ketua Program Ketua Projek
2.	RMC perlu mengeluarkan peringatan kepada Ketua Projek bagi penghantaran Laporan Akhir secara dalam talian melalui sistem MyGRANTS.	Institusi (RMC)

Bil.	Proses Pengurusan	Tindakan
	<p>Laporan Akhir perlu dinilai di peringkat Institusi oleh panel bidang yang berkaitan yang dilantik oleh RMC sebelum dimajukan ke JPT.</p> <p>Laporan kewangan yang dilaporkan perlu disahkan oleh Bendahari Institusi.</p> <p>Laporan Akhir perlu melaporkan pencapaian keseluruhan yang merangkumi output penyelidikan mengikut Skim Geran Penyelidikan yang telah dipersetujui:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Artikel dalam jurnal terindeks (b) Bakat (c) Prototaip yang berfungsi (d) Harta Intelek 	
3.	<p>Pembentangan laporan pencapaian keseluruhan geran mengikut fasa akan dilaksanakan di peringkat JPT berdasarkan arahan daripada JPT.</p> <p>Pembentangan Laporan Akhir (tertakluk pada Skim Geran Penyelidikan di JPT) kepada Jawatankuasa Penilaian KPT akan dilaksanakan di peringkat JPT.</p> <p>Pembentangan geran PRGS dibuat oleh Ketua Projek dan sekurang-kurangnya seorang ahli penyelidik hadir bersama.</p> <p>Pembentangan geran LRGS/TRGS/NRGS dibuat oleh Ketua Program dan kehadiran setiap Ketua Projek diwajibkan.</p> <p>Pihak Kementerian berhak untuk tidak membenarkan kumpulan penyelidik membuat pembentangan bergantung kepada situasi semasa.</p>	RMC/JPT

4.5. PENCAPAIAN OUTPUT

Pencapaian objektif dan output (penerbitan dalam jurnal terindeks/bakat/harta intelek) mestilah:

- (a) memenuhi KPI yang dipersetujui dalam kertas cadangan penyelidikan (proposal) yang diluluskan walaupun ia melebihi daripada KPI minimum dalam Garis Panduan Geran Penyelidikan DP KPT; dan
- (b) sekiranya KPI yang dijanjikan dalam *proposal* yang diluluskan lebih rendah dari syarat minimum KPI dalam garis panduan geran penyelidikan, maka syarat KPI minimum dalam garis panduan Skim Geran Penyelidikan WAJIB dipenuhi.

JPT telah menetapkan kriteria-kriteria bagi pengesahan pencapaian output yang melibatkan penerbitan dalam jurnal terindeks, bakat dan harta intelek seperti berikut:

4.5.1. Penerbitan

Artikel dalam Jurnal Terindeks

Kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) Penerbitan dalam jurnal terindeks SCOPUS dan WoS bagi semua geran (bilangan jurnal tertakluk pada Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan JPT). Di samping itu, jurnal yang diindeks oleh ERA juga dikira sebagai output penerbitan bagi geran FRGS.
- (b) Bagi projek FRGS yang diluluskan pada tahun 2021 dan ke atas:
 - i. Salah satu daripada penerbitan artikel dalam jurnal terindeks mestilah terindeks di WoS; dan
 - ii. Jurnal yang diindeks oleh MyCITE juga dikira sebagai output penerbitan bagi geran tersebut.
- (c) Bagi program TRGS dan LRGS yang diluluskan pada tahun 2019 dan ke atas, penerbitan artikel jurnal dalam kuartil Q1 mestilah terindeks di WoS.
- (d) RMC berperanan membuat semakan terhadap pencapaian penerbitan bagi memastikan penyelidik tidak menerbitkan artikel dalam jurnal ilmiah yang dikategorikan sebagai jurnal palsu atau *predatory journal*.

- (e) Artikel dalam jurnal terindeks perlu berstatus *published* atau sekurang-kurangnya telah mempunyai DOI (berkuatkuasa bagi projek-projek yang masih aktif bermula pada 24 Januari 2020);
- (f) Penerbitan dalam jurnal terindeks perlu lengkap dengan penghargaan kepada Pemberi Dana (iaitu merangkumi Nama Kementerian, Nama Geran dan Kod Projek Geran DP KPT) bagi artikel yang diterbitkan pada tahun 2010 dan ke atas;
- (g) Jika penghargaan diberikan kepada lebih dari satu geran penyelidikan di bawah DP KPT, artikel jurnal tersebut akan diambil kira sebagai output bagi projek penyelidikan yang diberi penghargaan pertama. Ini bagi artikel yang diterbitkan pada tahun 2019 dan ke atas;
- (h) Jika penghargaan diberikan kepada lebih dari satu pemberi dana (Kementerian/Agensi yang berbeza), Ketua Projek perlu menyatakan pemberi dana terbesar untuk penghargaan pertama, dan seterusnya kepada pemberi dana yang lain. Jurnal tersebut akan diambil kira sebagai output jika penghargaan pertama yang dinyatakan adalah kepada geran penyelidikan DP KPT. Ini bagi penerbitan yang dihantar pada tahun 2019 dan ke atas.
- (i) Penerbitan artikel dalam jurnal terindeks yang melibatkan penulis bersama dari kalangan pihak industri adalah amat digalakkan.

Lain-lain penerbitan tambahan

Lain-lain penerbitan yang tidak dinyatakan dalam proposal atau syarat minimum geran merangkumi buku penyelidikan, bab dalam buku penyelidikan, kertas polisi, kajian kes, laporan teknikal, artikel di dalam majalah, surat khabar, karya asli, penerbitan daripada persidangan, digital atau media cetak adalah merujuk kepada kriteria yang dinyatakan dalam 'Glosari Malaysia Research Assessment (MyRA)' terkini.

4.5.2. Bakat

Kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) KPI Bakat Utama merupakan Pelajar Bergraduasi iaitu salah satu daripada lantikan berikut:

Bil.	Lantikan/Status	Syarat yang perlu dipatuhi
i.	Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	<ul style="list-style-type: none"> - GRA mestilah dilantik dan dibiayai oleh geran DP KPT semasa tempoh projek penyelidikan aktif; - Tempoh lantikan GRA perlu dalam tempoh projek aktif (minimum adalah dua belas (12) bulan untuk pelajar Sarjana/Ph.D) dan hendaklah bergraduat (walaupun di luar tempoh penyelidikan); dan - Skop penyelidikan dan tajuk tesis GRA mestilah berkaitan dengan projek penyelidikan yang diluluskan.
ii.	Pelajar yang dibiayai daripada sumber lain	<ul style="list-style-type: none"> - Pelajar tajaan atau dibiayai dari sumber lain selain projek penyelidikan; - RMC perlu membuat pengesahan status pelajar dan penyelidikan yang dijalankan di peringkat Institusi; - RMC juga perlu mengesahkan status pelajar ini di dalam sistem MyGRANTS (modul pemantauan); dan - Tempoh keterlibatan pelajar dalam penyelidikan adalah dalam tempoh projek aktif (minimum adalah dua belas (12) bulan untuk pelajar Sarjana/Ph.D) dan perlu bergraduat (walaupun di luar tempoh penyelidikan).

(Perkara (a) i dan ii di atas berkuatkuasa bagi geran yang diluluskan pada tahun 2018 dan ke atas).

- (b) GRA/Pelajar yang menjalankan mod penyelidikan bagi pengajian sepenuh masa;
- (c) GRA/Pelajar mesti menjalankan pengajian yang berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Kandungan penyelidikan Sarjana/Ph.D yang berkaitan dengan projek penyelidikan yang dijalankan perlu disahkan oleh RMC;

- (d) GRA/Pelajar mestilah diselia oleh Ketua Projek atau Penyelidik Bersama (selaku penyelia utama) dalam penyelidikan tersebut. Bagi geran yang diluluskan pada tahun 2021 dan ke atas:
- i. GRA/Pelajar mestilah diselia oleh Ketua Projek atau Penyelidik Bersama (selaku penyelia utama) di bawah Institusi penerima geran penyelidikan tersebut;
 - ii. Ketua Penyelidik bukan warganegara Malaysia dimestikan melatih pelajar Ph.D atau pelajar Sarjana warganegara Malaysia sebagai GRA; dan
 - iii. Bagi Ketua Projek warganegara Malaysia yang melatih dua (2) orang GRA, salah seorang GRA yang dilantik mestilah pelajar warganegara Malaysia.
- (e) Status kewarganegaraan bagi GRA/Pelajar yang diambil kira adalah:
- Warganegara dan bukan Warganegara (bagi lantikan sebelum 28 Februari 2014);
 - Warganegara sahaja (bagi lantikan 28 Februari 2014 hingga 15 Oktober 2017);
 - Warganegara dan bukan Warganegara (bagi lantikan bermula 16 Oktober 2017). Walau bagaimanapun, had lantikan GRA bukan warganegara tidak melebihi 50% daripada GRA warganegara Malaysia bagi keseluruhan projek-projek penyelidikan di bawah Dana Penyelidikan KPT di sesebuah Institusi.
- (f) Status Pengajian GRA/Pelajar sama ada sedang maju atau telah bergraduat perlu dikemaskini dari masa ke semasa melalui sistem MyGRANTS walaupun tempoh penyelidikan telah tamat;
- (g) GRA/Pelajar yang dilantik mestilah bukan Ketua Projek/penyelidik bersama yang sedang menyambung pengajian atau bercuti belajar;
- (h) Bakat Tambahan pula adalah seperti berikut:
- i. Pelajar yang mengikuti pengajian mod campuran yang mengandungi sekurang-kurangnya 70% komponen penyelidikan boleh diambil kira sebagai bakat tambahan dengan syarat KPI Bakat Utama telah dicapai;
 - ii. Namun begitu, pelajar ini tidak dibenarkan untuk dibiayai menggunakan geran penyelidikan di bawah DP KPT;
 - iii. Pelajar ini juga mestilah terlibat secara langsung dengan penyelidikan yang dijalankan;

- iv. Ketua Projek perlu mengemukakan maklumat pengajian pelajar dan tesis penyelidikan yang dilakukan dan RMC perlu membuat pengesahan maklumat tersebut melalui sistem MyGRANTS.
- (i) Penyelidikan dan penghasilan bakat mestilah dilakukan dalam negara; dan
- (j) Pelaporan GRA/pelajar mesti disertakan dengan dokumen seperti surat lantikan GRA, surat melanjutkan pengajian, surat tamat pengajian dan lain-lain yang berkaitan sebagai pembuktian kepada JPT.

4.5.3. Harta Intelekt

(Bagi skim geran yang mewajibkan harta intelek sebagai hasil penyelidikan)

Kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) Harta intelek (IP) yang diambil kira mesti berkaitan dengan penyelidikan semasa (senarai IP adalah seperti di **Lampiran 7**);
- (b) Hasil IP yang difailkan perlu dibuktikan;
- (c) Keutamaan pemfailan IP adalah Paten bagi projek yang diluluskan pada tahun 2021 dan ke atas;
- (d) Diwajibkan memfailkan sekurang-kurangnya satu (1) IP selepas setahun projek dimulakan;
- (e) Harta intelek yang dihasilkan daripada geran penyelidikan KPT menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan Institusi; dan
- (f) Pengurusan harta intelek adalah menjadi tanggungjawab Institusi.

Sebarang pencapaian terkini berkaitan bakat, penerbitan dan IP perlu dilaporkan oleh Ketua Program/Ketua Projek dari semasa ke semasa walaupun projek telah tamat.

4.5.4. Hasil Pengkomersialan

- (a) Hasil pengkomersialan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran penyelidikan KPT dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama

mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.

- (b) Untuk Universiti Awam, hasil pengkomersialan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersialan sedia ada.
- (c) Untuk Universiti Swasta, perincian hak milik pengkomersialan hendaklah dipersetujui sepertimana yang termaktub dalam Klausa 9.3 di dalam Dokumen Perjanjian.
- (d) Rekod hasil pengkomersialan hendaklah dilaporkan kepada KPT pada setiap tahun serta dilaporkan juga dalam Laporan Pemantauan MyGRANTS.

4.5.5. Data Penyelidikan

Data penyelidikan ialah semua jenis maklumat yang dikumpul oleh penyelidik untuk melengkapkan sesebuah penyelidikan. Data yang dimaksudkan ini merangkumi semua penerbitan, data yang digunakan untuk menghasilkan penerbitan, data penting yang tidak diterbitkan (misalnya *bioresources*/pangkalan data) serta data mentah.

- (a) Pengumpulan dan pengurusan data penyelidikan adalah di bawah tanggungjawab penyelidik. Adalah menjadi tanggungjawab penyelidik untuk memastikan data penyelidikan ini disimpan dengan baik di Institusi masing-masing semasa tempoh projek aktif dan juga selepas projek telah tamat.
- (b) Data penyelidikan tersebut adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan Institusi penerima geran.

4.6. KAWALAN DAN PENALTI

4.6.1. RMC perlu memantau pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan berdasarkan *proposal* yang telah diluluskan serta mematuhi pekeliling dan prosedur yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan juga Institusi.

4.6.2. Ketua Projek boleh dikenakan penalti sekiranya gagal mematuhi perkara seperti berikut:

- (a) Tidak menghantar laporan prestasi dan kewangan (pada tarikh yang telah ditetapkan oleh JPT);

- (b) Tidak hadir pembentangan prestasi tanpa justifikasi yang kukuh;
- (c) Tidak menghantar laporan akhir (pada tarikh yang telah ditetapkan oleh JPT);
- (d) Tidak mencapai KPI/serahan penyelidikan yang dipersetujui;
- (e) Tidak hadir pembentangan laporan akhir tanpa justifikasi yang kukuh;
- (f) Tidak menyelesaikan penyelidikan atas sebab-sebab yang tidak dinyatakan secara jelas dan tiada surat pemakluman kepada JPT melalui RMC.

4.6.3. RMC hendaklah mengeluarkan surat amaran/tunjuk sebab terlebih dahulu kepada Ketua Projek yang terlibat sebagai peringatan sebelum tindakan penalti dikenakan. Tindakan penalti yang wajar dikenakan kepada penyelidik adalah seperti berikut:

- (a) Sekatan terhadap perbelanjaan akan dikenakan bagi Perkara 4.6.2(a) dan 4.6.2 (b).
- (b) Bagi Perkara 4.6.2(c), 4.6.2(d), 4.6.2(e) dan 4.6.2(f), nama penyelidik yang dikenakan penalti tidak dibenarkan memohon geran baharu JPT sebagai Ketua Projek bagi tempoh dua (2) tahun atau penyelidik bersama bagi tempoh satu (1) tahun. RMC perlu mengemukakan nama penyelidik yang dikenakan penalti kepada JPT setiap kali pembukaan geran.
- (c) Penyelidik yang berbelanja melebihi had/tuntutan selepas tamat tempoh penyelidikan atas kecuaiannya sendiri perlu membayar semula peruntukan yang telah dibelanjakan.

4.6.4. RMC perlu menghantar pemakluman berhubung projek yang terlibat dalam kes-kes di perenggan 4.6.3. ini merangkumi maklumat projek, kegagalan mencapai KPI, penamatan projek, kronologi tindakan-tindakan yang telah diambil serta dokumen sokongan kepada JPT untuk rekod dan tindakan lanjut.

4.6.5. Penyelidik tidak dibenarkan untuk memohon mana-mana geran penyelidikan DP KPT melalui sistem MyGRANTS sebagai Ketua Projek/Penyelidik Bersama jika:

- 4.6.5.1. Tidak pernah mengisi dan mengemukakan laporan prestasi kepada RMC dalam Modul Pemantauan Sistem MyGRANTS untuk projek-projek penyelidikan yang sedang berjalan (tertakluk kepada arahan semasa);

4.6.5.2. Tidak menghantar laporan akhir dengan lengkap dalam Modul Pemantauan Sistem MyGRANTS yang telah disahkan oleh RMC kepada JPT untuk projek-projek penyelidikan yang telah tamat.

4.6.6. RMC juga bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan boleh dikenakan tindakan oleh JPT sekiranya didapati berlakunya ketidakpatuhan. JPT berhak menentukan lain-lain langkah kawalan dan penalti yang wajar diambil.

4.6.7. Penamatan Projek (sebelum tarikh tamat asal)

4.6.7.1 Kuasa penamatan projek FRGS dan PRGS adalah di bawah bidang kuasa Institusi/JPT. Proses pertimbangan penamatan adalah di peringkat RMC dan perlu dilaporkan kepada Kementerian bagi projek-projek penyelidikan yang aktif. Antara kriteria projek yang boleh ditamatkan ialah:

- i. Penyelidikan yang sama (similar) telah dijalankan di bawah geran/projek penyelidikan lain;
- ii. Projek penyelidikan bermasalah dan tidak dapat diteruskan;
- iii. Ketua Projek dan semua Penyelidik Bersama menarik diri daripada menjalankan projek penyelidikan; dan
- iv. Projek penyelidikan yang tidak membuat sebarang perbelanjaan setelah setahun pelaksanaan projek (setelah RMC mengeluarkan surat amaran/tunjuk sebab).

4.6.7.2 Manakala, penamatan bagi program/projek TRGS dan LRGS akan diputuskan oleh panel penilai pemantauan di peringkat JPT. Pihak Institusi juga berhak mengesyorkan cadangan penamatan program/projek TRGS dan LRGS kepada JPT.

4.6.7.3 Ketua Projek dan kumpulan penyelidikan tidak dibenarkan menarik diri sejeurus selepas projek diluluskan. Sekiranya ini berlaku, Ketua Projek dan kumpulan penyelidikan boleh dikenakan penalti iaitu Ketua Projek tidak dibenarkan memohon geran baharu DP KPT sebagai Ketua Projek bagi tempoh dua (2) tahun manakala ahli kumpulan penyelidikan tidak dibenarkan memohon geran baharu DP KPT sebagai Ketua Projek bagi tempoh satu (1) tahun. Permohonan dari Ketua Projek untuk menarik diri dari meneruskan penyelidikan perlu mendapat sokongan RMC dan dikemukakan ke JPT.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

5.1. JABATAN PENDIDIKAN TINGGI, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

JPT bertanggungjawab:

- a) Menguruskan keperluan peruntukan Dana Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi tertakluk pada prosedur dan pekeliling berkuatkuasa;
- b) Melantik dan melatih panel penilai di peringkat JPT;
- c) Menguruskan proses penilaian cadangan penyelidikan;
- d) Menguruskan proses kelulusan dan penawaran projek kepada penyelidik yang berjaya; dan
- e) Memperkasakan pangkalan data penyelidikan geran di bawah seliaan JPT.

5.2. JAWATANKUASA PENILAIAN

Panel Penilai bertanggungjawab:

- a) Menilai dan memperakukan permohonan penyelidikan dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- b) Memaklumkan justifikasi secara terperinci bagi permohonan yang gagal;
- c) Menilai prestasi projek penyelidikan;
- d) Memberi cadangan dan saranan bagi kelangsungan projek berdasarkan kepada prestasi projek dan kewangan;
- e) Memberi cadangan penambahbaikan proses penilaian dan pemantauan geran penyelidikan kepada JPT; dan
- f) Menjaga etika dan kerahsiaan permohonan (Akta Kerahsiaan).

5.3. INSTITUSI

Institusi bertanggungjawab:

- a) Pentadbiran dan kewangan
 - Mengurus kewangan meliputi penyediaan agihan perbelanjaan vot dan perbelanjaan mengikut prosedur dan piawaian Perbendaharaan Malaysia tertakluk pada penggunaan vot yang diluluskan JPT;
 - Mengurus aset yang dibeli melalui peruntukan geran penyelidikan mengikut prosedur dan piawaian Perbendaharaan Malaysia dan Institusi;
 - Memberi taklimat pengurusan penyelidikan kepada warga akademik Institusi;
 - Institusi digalakkan untuk mempunyai sistem pengurusan geran penyelidikan dan kewangan secara atas talian; dan

- Mengendalikan latihan berkaitan penyelidikan dan inovasi secara berterusan.
- b) Pengurusan geran penyelidikan
- Memudah cara dan memudah selia aktiviti permohonan geran penyelidikan seperti yang termaktub dalam Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan JPT;
 - Mengenal pasti, melantik dan melatih panel penilai dalaman di peringkat Institusi berdasarkan kepakaran yang berkaitan. Panel penilai dalaman boleh dilantik dari Institusi yang berlainan sekiranya tiada kepakaran di Institusi tersebut;
 - Menguruskan proses penilaian dalaman yang telus sebelum dimuktamadkan ke JPT; dan
 - Memantau kemajuan penyelidikan selaras dengan Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan JPT.

5.4. PENYELIDIK

a) Ketua Program bertanggungjawab:

- membuat permohonan;
- membuat pembentangan;
- mengurus atau/dan menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan;
- memastikan mesyuarat koordinasi di antara ketua projek dilaksanakan sekurang-kurangnya dua kali setahun dan diminitkan;
- mengurus dan memantau ahli-ahli dalam penyelidikan; dan
- menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan JPT.

b) Ketua Projek bertanggungjawab:

- membuat permohonan;
- menjalinkan hubungan kerjasama dengan ketua program;
- mengurus dan menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan;
- memaklumkan, berbincang dan mengemaskini aktiviti/carta perbatuan (milestone) penyelidikan sekiranya terdapat sebarang perubahan daripada cadangan penyelidikan asal;
- mendapatkan kelulusan etika (sekiranya penyelidikan berkaitan manusia/haiwan/dan lain-lain tertakluk pada prosedur dan akta yang berkaitan);

- memastikan pelantikan GRA/penghasilan bakat dilaksanakan dalam tahun pertama projek;
- memastikan perancangan dan pelaksanaan perbelanjaan mengikut tatacara kewangan Perbendaharaan Malaysia dan Institusi;
- memastikan keberhasilan penyelidikan (output/outcome) mengikut cadangan penyelidikan yang telah dipersetujui; dan
- menyediakan dan menghantar laporan kewangan, laporan prestasi projek dan laporan akhir seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan JPT.

c) Penyelidik bertanggungjawab:

- menyumbang secara aktif dalam projek penyelidikan bagi mencapai objektif penyelidikan;
- membantu penyediaan laporan prestasi dan kewangan serta laporan akhir; dan
- mematuhi etika penyelidikan mengikut bidang masing-masing dan tertakluk kepada apa-apa kaedah dan peraturan Institusi.

**INTEGRITI DAN ETIKA
PENYELIDIKAN**

6. INTEGRITI DAN ETIKA PENYELIDIKAN

- 6.1. Penyelidikan beretika mesti diamalkan bagi menghasilkan penyelidikan yang asli dan berkualiti. Penyelidikan perlu berpandukan kepada budaya penyelidikan yang baik seperti berikut:
- a) Menjalankan penyelidikan secara jujur dan berintegriti (termasuk mengelakkan *conflict of interest*);
 - b) Menghormati subjek penyelidikan (manusia, haiwan, persekitaran) yang digunakan;
 - c) Menggunakan dana secara berhemah; dan
 - d) Mengiktiraf peranan dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan.
- 6.2. Salah laku dalam penyelidikan yang mesti dielakkan adalah seperti berikut:
- a) Melaporkan dapatan kajian secara tidak jujur termasuk mereka-reka data, mengubah suai data, kecuaiian dalam pengumpulan dan analisa data, melaporkan sebahagian dapatan dan memanipulasi data bagi tujuan penipuan;
 - b) Memalsukan dan menyeleweng penyelidikan termasuk kemajuan penyelidikan, membuat kenyataan yang keterlaluan dan mengetepikan laporan kajian terdahulu;
 - c) Menyalahguna dana penyelidikan atau tidak mengikut tatacara perolehan dan kewangan yang telah ditetapkan;
 - d) Menyalahguna data dan dapatan penyelidikan untuk tujuan negatif;
 - e) Memplagiat hasil kerja orang lain, mengambil tanpa izin keputusan dan kaedah penyelidik lain, mengabaikan sumbangan signifikan penyelidik lain, meniru penulisan penyelidik lain tanpa memberi penghargaan;
- 6.3. Pihak Institusi dan penyelidik juga perlu mematuhi perkara-perkara yang telah dinyatakan dalam “Malaysia Code of Responsible Conduct in Research (MCRCR)” seperti pautan <http://www.might.org.my/download/the-malaysian-code-of-responsible-conduct-in-research/>.

SENARAI SEMAK

SENARAI SEMAK

PERUBAHAN SKOP/OBJEKTIF

BIL.	SENARAI SEMAK	(√/X)
1.	Surat Iringan dan Perakuan RMC di Institusi	
2.	Borang Permohonan Perubahan Skop/Objektif (Institusi)	
3.	Surat Sokongan dari Ketua Program (geran berskala besar seperti LRGS/TRGS/NRGS)	
4.	Metodologi, Aktiviti Penyelidikan, Carta Perbatuan Asal dan Baru (sekiranya berkaitan)	
5.	Laporan Prestasi dan Kewangan Terkini (sekiranya berkaitan)	
6.	Dokumen Sokongan Lain yang berkaitan (Sila nyatakan)	

PERTUKARAN KETUA PROGRAM/PROJEK

BIL.	SENARAI SEMAK	(√/X)
1.	Surat Iringan dan Perakuan RMC di Institusi	
2.	Borang Permohonan Pertukaran Ketua Program/Projek (Institusi)	
3.	Surat Sokongan dari Ketua Program (geran berskala besar seperti LRGS/TRGS/NRGS)	
4.	Surat Persetujuan Penggantian Ketua Program/Projek Baharu	
5.	Curriculum Vitae (CV) Terkini Ketua Program/Projek Baharu (perlu dikemaskini dalam Sistem MyGRANTS)	
6.	Laporan Prestasi dan Kewangan Terkini (sekiranya berkaitan)	
7.	Dokumen Sokongan Lain yang berkaitan (Sila nyatakan)	

SENARAI SEMAK

PERTAMBAHAN/PENGGUGURAN AHLI PROJEK

BIL.	SENARAI SEMAK	(√/X)
1.	Surat Iringan dan Perakuan RMC di Institusi	
2.	Borang Permohonan Pertambahan/Pengguguran Ahli Projek (Institusi)	
3.	Surat Sokongan dari Ketua Program (geran berskala besar seperti LRGS/TRGS/NRGS)	
4.	Surat Persetujuan/Surat Tarik Diri sebagai Ahli Projek	
5.	Curriculum Vitae (CV) Terkini Ahli Projek Baharu (perlu dikemaskini dalam Sistem MyGRANTS)	
6.	Laporan Prestasi dan Kewangan Terkini (sekiranya berkaitan)	
7.	Dokumen Sokongan Lain yang berkaitan (Sila nyatakan)	

PELANJUTAN TEMPOH

BIL.	SENARAI SEMAK	(√/X)
1.	Surat Iringan dan Perakuan RMC di Institusi	
2.	Borang Permohonan Pelanjutan (Institusi)	
3.	Dokumen Kelulusan Pelanjutan (permohonan yang diluluskan sebelum ini)	
4.	Surat Sokongan dari Ketua Program (LRGS/TRGS/NRGS)	
5.	Laporan Prestasi dan Kewangan Terkini	
6.	Aktiviti Penyelidikan serta Carta Perbatuan Asal dan Baru (Perbandingan).	
7.	Dokumen Sokongan Lain yang berkaitan (Sila nyatakan)	

SENARAI SEMAK

PINDAHAN VOT

BIL.	SENARAI SEMAK	(√/X)
1.	Surat Iringan dan Perakuan RMC di Institusi	
2.	Borang Permohonan Pindah Vot (Institusi)	
3.	Dokumen Kelulusan Pindah Vot (permohonan yang diluluskan sebelum ini)	
4.	Surat Sokongan dari Ketua Program (LRGS/TRGS/NRGS)	
5.	Penyata Kewangan Terkini (Pengesahan Bendahari)	
6.	Sebut harga (jika melibatkan) pembelian peralatan / bahan penyelidikan/sewaan	

PEMBELIAN PERALATAN YANG TIADA DALAM KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN (PROPOSAL)

BIL.	SENARAI SEMAK	(√/X)
1.	Surat Iringan dan Perakuan RMC di Institusi	
2.	Borang Permohonan Pembelian Peralatan (Institusi)	
3.	Surat Sokongan dari Ketua Program (LRGS/TRGS/NRGS)	
4.	Penyata Kewangan Terkini (Pengesahan Bendahari)	
5.	Tiga (3) Sebut Harga (bagi tujuan kajian pasaran)	
6.	Dokumen Sokongan Lain yang berkaitan (Sila nyatakan)	

SENARAI SEMAK


PERSIDANGAN DALAM/LUAR NEGARA

BIL.	SENARAI SEMAK	(√/X)
1.	Surat Iringan dan Perakuan RMC di Institusi	
2.	Borang Permohonan Menghadiri Persidangan (Institusi)	
3.	Surat Sokongan dari Ketua Program (LRGS/TRGS/NRGS)	
4.	Laporan Prestasi	
5.	Surat Jemputan/Dokumen Pengesahan Penerimaan Kertas Kerja	
6.	Abstrak/Kertas Kerja Penuh	
7.	Brosur/Risalah yang Mempunyai Maklumat mengenai Persidangan dan Yuran Penyertaan	
8.	Penyata Kewangan Terkini (Pengesahan Bendahari)	
9.	Dokumen Sokongan Lain yang berkaitan (Sila nyatakan)	

CARTA ALIR


CARTA ALIR

PERMOHONAN BERKAITAN PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN



CARTA ALIR


PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN



LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

**STRUKTUR TADBIR URUS
DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**



LAMPIRAN 2(a)

TADBIR URUS DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BIL.	PERKARA	PERINGKAT KELULUSAN							
		FRGS	RACER	PRGS	TRGS	LRGS	*RAGS	*ERGS	*NRGS
1.	Pindaan Proposal	Penambahan perkara baharu sebelum pengesahan JPT adalah tidak dibenarkan							
2.	Perubahan Skop / Objektif	JPT (dalam tempoh 6 bulan pertama penyelidikan)							
3.	Pertukaran Ketua Program	-	-	-	JPT	JPT	-	-	JPT
4.	Pertukaran Ketua Projek	RMC	RMC	RMC	JPT	JPT	RMC	RMC	JPT
5.	Penambahan Ahli	RMC	RMC	RMC	RMC	JPT	RMC	RMC	JPT
6.	Pelanjutan Tempoh maksimum enam (6) bulan	RMC	RMC	RMC	JPT	JPT	RMC	RMC	JPT
7.	Permohonan Pindah Vot (Virement)	RMC	Tidak dibenarkan	JPT	JPT	JPT	RMC	RMC	JPT
		i. Sekali setahun. ii. Amaun yang boleh dipinda tidak melebihi 50% daripada jumlah kelulusan asal mengikut vot. iii. Permohonan pindaan melebihi 50% tidak dibenarkan di peringkat RMC dan JPT.							

Nota: * Geran penyelidikan DP KPT yang telah dijumudkan (tidak lagi ditawarkan)
 Permohonan bagi Program TRGS/NRGS/LRGS perlu melalui Ketua Program
 Surat pemakluman hendaklah dikemukakan kepada JPT secara berkala (setiap 6 bulan)

LAMPIRAN 2(b)

TADBIR URUS DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BIL.	PERKARA	PERINGKAT KELULUSAN							
		FRGS	RACER	PRGS	TRGS	LRGS	*RAGS	*ERGS	*NRGS
8.	Pembelian Peralatan Tiada dalam Proposal	JPT							
9.	Pengurusan Laporan Akhir (3 bulan selepas tamat tempoh)	Format Profil	Format Profil	Format Profil	Format Tesis	Format Tesis	Format Profil	Format Profil	Format Tesis
10.	Ketua Projek / Ahli Ke Luar Negara (Menghadiri Persidangan)	Kelulusan IPT / agensi tertakluk kepada kecukupan geran dan polisi IPT/ agensi							
		RMC	Tidak dibenarkan	Tidak dibenarkan	JPT	JPT	RMC	RMC	JPT
11.	Penamatan Projek	RMC	RMC	RMC	JPT	JPT	RMC	RMC	JPT
12.	Menarik Diri dari Menjalankan Penyelidikan	JPT							

Nota: * Geran penyelidikan DP KPT yang telah dijumlahkan (tidak lagi ditawarkan)
 Permohonan bagi Program TRGS/NRGS/LRGS perlu melalui Ketua Program
 Surat pemakluman hendaklah dikemukakan kepada JPT secara berkala (setiap 6 bulan)

LAMPIRAN 3

DEFINISI BAGI TERMA DI BAWAH TADBIR URUS DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Terma	Definisi
Honorarium/Saguhati	<p>Honorarium/Saguhati bermaksud bayaran bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelidikan dan seumpamanya.</p> <p>Bayaran honorarium/saguhati yang dibenarkan di bawah Program Dana Penyelidikan KPT adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1) Enumerator2) Responden/Subjek
Enumerator	<p>Enumerator bermaksud individu yang dilantik untuk melaksanakan tugas pengumpulan data bagi tujuan penyelidikan termasuk membantu tugas menganalisis data penyelidikan tersebut.</p> <p>Skop enumerator merangkumi:</p> <ol style="list-style-type: none">1) Mengumpul data atau soal-selidik/persampelan2) Melakukan transkripsi3) Membuat tugas lapangan4) Menganalisis data; dan/atau5) Melakukan lain-lain tugas pengumpulan data penyelidikan yang berkaitan. <p>Kadar bayaran enumerator ditentukan secara jam, harian atau bilangan soal-selidik/persampelan berdasarkan skop tugas yang bersesuaian. Kadar bayaran dan terma kelayakan adalah tertakluk kepada peraturan semasa Institusi.</p> <p>Ketua Projek perlu memastikan peruntukan kewangan mencukupi bagi menampung pembayaran kepada enumerator dan ianya telah pun dinyatakan dalam kertas cadangan penyelidikan.</p>

Terma	Definisi
Responden/Subjek	<p>Responden/Subjek bermaksud individu yang dipilih untuk memberikan maklumat dengan menjawab soal selidik yang dikemukakan atau kaedah lain yang berkaitan dalam melaksanakan kaji selidik penyelidikan atau kajian klinikal.</p> <p>Kadar bayaran responden/subjek adalah tertakluk kepada peraturan semasa Institusi.</p> <p>Ketua Projek perlu memastikan peruntukan kewangan mencukupi bagi menampung pembayaran kepada responden/subjek dan ianya telah pun dinyatakan dalam kertas cadangan penyelidikan.</p>
Konsultan / Perunding	<p>Konsultan/Perunding bermaksud individu/syarikat yang terlibat dalam aktiviti pemberian nasihat atau perkhidmatan profesional dalam bidang kepakaran tertentu.</p> <p>Lantikan konsultan/perunding yang melibatkan program/projek penyelidikan adalah tidak dibenarkan.</p>
Felo Penyelidik	<p>Felo Penyelidik merupakan staf akademik atau mana-mana individu yang mempunyai kepakaran tertentu dari dalam dan luar negara yang dilantik secara rasmi oleh Universiti untuk tempoh yang tertentu bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dan inovasi yang ditetapkan.</p> <p>Lantikan Felo Penyelidik adalah sepenuh masa (tetap/kontrak) dan mempunyai afiliasi induk di sesebuah Pusat Kecemerlangan.</p>

LAMPIRAN 4

JADUAL KITARAN BAGI PEMANTAUAN BERJADUAL PROJEK MELEBIHI SATU (1) TAHUN

BULAN											
Kitaran Pemantauan 1						Kitaran Pemantauan 2					
Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jul – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Jul – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jul – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)				Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Jun tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Jun tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Jun tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)			

LAMPIRAN 5**JADUAL KITARAN BAGI PEMANTAUAN BERJADUAL PROJEK KURANG DARIPADA SATU (1) TAHUN**

BULAN											
Kitaran Pemantauan 1				Kitaran Pemantauan 2				Kitaran Pemantauan 3			
Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Sept – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Sept – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Sept – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)		Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Apr tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Apr tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Apr tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)		Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Mei – Ogos tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Mei – Ogos tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Mei – Ogos tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	

LAMPIRAN 6

GARIS PANDUAN PENERBITAN VIDEO & POSTER

A) KRITERIA PRODUK

- Produk yang telah dikomersialkan atau yang telah memberi manfaat terus
- Berimpak tinggi kepada komuniti, industri, kerajaan & akademia
- Telah menerima pelbagai pengiktirafan

B) KANDUNGAN VIDEO

1 - PENGENALAN

- Video perlu mengandungi nama produk/hasil penyelidikan, logo dan *branding*
- Kementerian
Penggunaan logo Jata Negara (tertera perkataan Kementerian Pengajian Tinggi) dan logo JPT perlu dipaparkan pada permulaan dan pengakhiran video.
- Institusi
Video perlu dilengkapi dengan nama dan logo Institusi serta Institusi kolaborasi (sekiranya ada)
- Kumpulan penyelidik
Video perlu mengandungi senarai nama Ketua Projek dan ahlinya serta penyumbang dana penyelidikan

2 - PENGENALAN PRODUK

- Video perlu menghuraikan tentang produk/hasil penyelidikan, fungsi produk, kumpulan sasaran, pensijilan & piawaian dengan kreatif, ringkas dan jelas
- Video perlu mengandungi sekurang-kurangnya tiga (3) testimoni daripada golongan penerima manfaat:
 - i. Industri;
 - ii. Kerajaan;
 - iii. Badan bukan kerajaan;
 - iv. Komuniti; dan lain-lain.
- Pendapatan
Video perlu dilengkapi dengan jumlah penajaan pendapatan bagi produk tersebut di pasaran tempatan dan antarabangsa (sekiranya ada)
- Pengiktirafan
Pengiktirafan produk baik daripada tempatan mahupun antarabangsa

3 - KUALITI VIDEO

- Suara latar

Suara latar dalam Bahasa Inggeris perlu jelas dan paparan sarikata Bahasa Melayu adalah WAJIB.

- Muzik latar

Muzik latar yang bersesuaian dengan situasi dan tidak menenggelamkan suara latar video tersebut.

- Resolusi

Video perlu disediakan dalam resolusi tinggi & berdefinisi tinggi

4 - DURASI VIDEO

- Tidak dibenarkan melebihi 3 minit

C) KANDUNGAN POSTER (INFOGRAFIK)

1 REKABENTUK

- Berbentuk infografik yang kreatif dan menyampaikan mesej yang jelas
Penggunaan warna & susun atur info yang bersesuaian

- Perlu disediakan dalam resolusi yang tinggi/HD dan format JPEG/PNG/AI sahaja

2 KANDUNGAN

- Poster perlu disediakan dalam Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris

- Poster perlu mengandungi nama produk/ hasil penyelidikan, logo dan *branding*

- Kementerian

Penggunaan logo Jata Negara (tertera perkataan Kementerian Pengajian Tinggi)

- Institusi

Poster perlu dilengkapi samada nama atau logo Institusi dan Institusi kolaborasi (sekiranya ada)

- Kumpulan penyelidik

Poster perlu mengandungi senarai nama Ketua projek dan ahlinya serta penyumbang dana penyelidikan

- Poster perlu menghuraikan produk, fungsi produk, kumpulan sasaran, pensijilan & piawaian dengan kreatif, ringkas dan jelas
- Poster perlu dilengkapi impak kepada golongan penerima manfaat secara ringkas.
 - v. Industri;
 - vi. Kerajaan;
 - vii. Badan bukan kerajaan;
 - viii. Komuniti; dan lain-lain.
- Pendapatan
Poster perlu dilengkapi dengan jumlah penjanaan pendapatan bagi produk tersebut di pasaran tempatan dan antarabangsa (sekiranya ada)
- Pengiktirafan
Pengiktirafan produk sama ada daripada tempatan mahupun antarabangsa.

LAMPIRAN 7

KPI PROJEK

KPI	TADBIR URUS 2019	TADBIR URUS 2020	TADBIR URUS 2021
JURNAL TERINDEKS	Status <i>Accepted</i>	status <i>Published</i> atau sekurang-kurangnya telah mempunyai DOI	status <i>Published</i> atau sekurang-kurangnya telah mempunyai DOI
FRGS	SCOPUS/WOS	SCOPUS/WOS/ERA	SCOPUS/WOS/ERA/MyCITE (Bagi projek yang diluluskan pada tahun 2021 dan ke atas, salah satu daripada penerbitan tersebut mestilah terindeks di Web of Science (WoS))
FRGS-RACER	SCOPUS/WOS	SCOPUS/WOS/ERA	SCOPUS/WOS/ERA/MyCITE
LRGS & TRGS	SCOPUS/WOS & Q1	SCOPUS/WOS & Q1	SCOPUS/WOS & Q1
LAIN-LAIN PENERBITAN (TAMBAHAN)	Merujuk kepada kriteria yang dinyatakan dalam Glosari MyRA terkini		
PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL BERSAMA PENULIS BERSAMA DARI INDUSTRI	-	-	Bagi projek yang diluluskan tahun 2021 dan ke atas. Digalakkan bagi FRGS dan PRGS

KPI	TADBIR URUS 2019	TADBIR URUS 2020	TADBIR URUS 2021
BAKAT (BERGRADUAT)	Pelajar Sarjana/PhD mod penyelidikan (pengajian sepenuh masa) Lantikan minimum 6 bulan	Pelajar Sarjana/PhD mod penyelidikan (pengajian sepenuh masa) Lantikan minimum 12 bulan	Pelajar Sarjana/PhD mod penyelidikan (pengajian sepenuh masa) Lantikan minimum 12 bulan
HARTA INTELEK	<p>a. Senarai IP</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Paten (menjadi keutamaan bagi geran yang diluluskan mulai tahun 2021) ii. Trademark (tidak lagi diambil kira sebagai IP bagi projek-projek yang diluluskan mulai tahun 2021) iii. Industrial Design iv. Geographical Indication v. Copyright vi. Layout Design <p>(tertakluk pada syarat yang ditetapkan dalam garis panduan Skim Geran Penyelidikan DP KPT)</p> <p>b. Pemfailan Hak Cipta (Copyright) adalah dibenarkan bagi Domain Sains Sosial (SS), Sastera dan Sastera Ikhtisas (SSI) dan Warisan Alam dan Budaya (WAB)</p> <p>c. Manakala bagi Domain Teknologi dan Kejuruteraan (TK), Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Sains Kesihatan dan Klinikal (SKK) dan Sains Tulen dan Gunaan (STG), pemfailan Hak Cipta untuk penghasilan perisian (software) sahaja dibenarkan.</p> <p>d. (Perkara (a) i dan (a) ii, (b) dan (c) di atas berkuatkuasa bagi projek-projek yang diluluskan mulai tahun 2021)</p>		
PROTOTAIP	Wajib kepada geran PRGS		

PENUTUP

Penyediaan tadbir urus ini diharap dapat memantapkan pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan di Institusi penerima geran, dan seterusnya dapat menyokong aspirasi negara dalam melonjakkan kecemerlangan Institusi dalam penyelidikan.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh diajukan kepada:

URUS SETIA
BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA
NO. TEL. : +603 – 8870 6975
NO. FAKS : +603 – 8870 6867

CATATAN



**BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA**